

Headline	Curi kabel: Lelaki kritikal terkena renjatan elektrik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Feb 2019	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Selangor & KL	Page No	34
ArticleSize	267 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,663		



## Curi kabel: Lelaki kritikal terkena renjatan elektrik

**PORT DICKSON** - Tindakan seorang lelaki cuba mencuri kabel di pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhampiran stesen minyak di Chuah di sini, kelmarin, memakan diri apabila dia kini kritikal akibat terkena renjatan.

Ketua Polis Port Dickson, Superintenden Aidi Sham Mohamed berkata, kejadian jam 12.05 tengah hari itu, mengakibatkan suspek berusia 27 tahun melecur keseluruhan muka dan 20 peratus pada badan.

Menurutnya, polis menerima maklumat orang awam yang memberitahu terdengar letupan kuat sebelum bekalan elektrik terputus di kawasan Site C, Chuah sehingga ke Bukit Palong.

“Saksi memberitahu, melihat suspek yang bajunya terbakar melarikan diri dengan menunggang sebuah motosikal selepas letupan itu.

“Sepasukan anggota polis ke lokasi mendapati terdapat kesan pagar dipotong di bahagian pencawang berkenaan,” katanya.

Beliau berkata, sebagai tindakan, polis membuat semakan melalui Unit Kecemasan Hospital Port Dickson dan mengesahkan suspek menerima rawatan dengan seluruh muka dan hampir 20 peratus bahagian badan turut melecur.

Bagaimanapun katanya, suspek dipindahkan ke Hospital Tuanku Jaafar di Seremban berikutan keadaannya yang agak kritikal.

“Berdasarkan semakan, suspek



Lokasi suspek melecur akibat terkena renjatan ketika curi kabel elektrik.

menetap di Taman Lukut Makmur di sini dan sudah berkahwin. Dia juga pernah ditangkap atas kesalahan berkaitan dadah dan mencuri,” katanya.

Sementara itu Aidi Sham berkata, juruteknik TNB turut membuat pemeriksaan di lokasi dan mendapati kehilangan komponen elektrik dalam pencawang terbabit.

Katanya, polis difahamkan pencawang itu menyalurkan tenaga elektrik bervoltan tinggi dan suspek akan ditahan selepas keadaannya stabil mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan.



AIDI SHAM